



AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

Bilangan 2 Tahun 2023

PERATURAN PENGENDALIAN BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga UiTM dan pihak yang berkepentingan mengenai penggunaan Peraturan Pengendalian Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran Universiti Teknologi MARA.

LATAR BELAKANG

2. Peraturan Pengendalian Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran telah diluluskan untuk pelaksanaan oleh Senat Universiti ke-290 pada 10 Januari 2023.

TUJUAN PELAKSANAAN

3. Peraturan ini disediakan untuk memastikan bahan pengajaran dan pembelajaran digunakan dan dikendalikan dengan baik di kalangan semua warga universiti termasuk pelajar, staf akademik dan staf sokongan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran termasuk kawalan proses pembangunan, penyediaan bahan dan media penyampaian sesi pengajaran dan pembelajaran UiTM.
4. Peraturan ini boleh dicapai di laman sesawang Bahagian Hal Ehwal Akademik di [<https://hea.uitm.edu.my>] di bawah menu *Download > Academic Regulations*.
5. Sila panjangkan maklumat ini kepada semua pihak berkepentingan di kolej pengajian / fakulti / UiTM Cawangan / pusat akademik / PTJ masing-masing.

PEKELILING BERKAITAN

Tiada.

TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling dikeluarkan pada 30 Januari 2023.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuatkuasa pada Sesi I 2022/2023.



PROF. DATUK DR. SUZANA SULAIMAN
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Majlis Eksekutif Universiti
- Semua Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian
- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 30 Januari 2023
Kategori Pekeliling : Peraturan

PERATURAN PENGENDALIAN BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 PENGENALAN

Peraturan ini disediakan untuk memastikan bahan pengajaran dan pembelajaran digunakan dan dikendalikan dengan baik di kalangan semua warga universiti termasuk pelajar, staf akademik dan staf sokongan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran termasuk kawalan proses pembangunan, penyediaan bahan dan media penyampaian sesi pengajaran dan pembelajaran Universiti Teknologi MARA.

2.0 TAKRIFAN

Di bawah adalah takrifan yang digunakan di dalam peraturan ini.

2.1 Bahan Pengajaran dan Pembelajaran

Bahan pengajaran dan pembelajaran adalah sebarang alat atau bahan yang digunakan di bilik kuliah, lapangan atau maya bagi tujuan membantu, mempermudah dan memperkuat proses pengajaran dan pembelajaran agar menjadi lebih berkesan tetapi tidak terhad kepada:

- i. Bahan pengajaran dan pembelajaran secara am;
- ii. Bahan bercetak dan bukan bercetak;
- iii. Alat pandang termasuk objek, model, patung, gambar, lukisan, diorama, gambar foto, glob, peta, carta, gambar rajah, graf, poster, kartun;
- iv. Bahan salinan;
- v. Alat dengar termasuk radio, alat pemain piring hitam, pita rakaman suara, sistem pembesar suara;
- vi. Pandang dengar termasuk filem suara dan televisyen; atau / dan
- vii. Alat ciptaan baharu bagi pengajaran berprogram termasuk perisian, simulasi dan sebagainya.

2.2 Data Pengajaran dan Pembelajaran

Data pengajaran dan pembelajaran adalah data asal yang dikumpul dan belum disaring atau diproses untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

2.3 Maklumat Pengajaran dan Pembelajaran

Maklumat pengajaran dan pembelajaran adalah maklumat yang dikategorikan bagi tujuan memberi manfaat dengan menambah pengetahuan menerusi proses pengajaran dan pembelajaran tetapi tidak terhad kepada:

- i. Bahan ilmiah termasuk buku, artikel jurnal, laporan penyelidikan, kertas kerja, prosiding atau apa-apa penulisan lain;
- ii. Perisian kursus termasuk audio visual syarahan, nota kuliah, tutorial dan slaid persembahan;
- iii. Penilaian kursus termasuk kertas ujian dan kertas peperiksaan;
- iv. Perisian komputer;
- v. Hasil penilaian termasuk tesis, disertasi, kertas projek, laporan latihan industri, dan tugasan sama ada dalam bentuk bertulis atau digital; atau / dan
- vi. Maklumat kurikulum universiti termasuk silibus, maklumat kursus dan maklumat program.

2.4 Hasilan Akademik

Hasilan akademik adalah hasilan dalam segala bentuk keluaran atau produk berasaskan data / maklumat / bahan pengajaran dan pembelajaran bersama pelajar dan / atau staf akademik termasuk hasilan buku, artikel, jurnal, bab dalam buku, prosiding persidangan, karya kreatif, karya kreatif yang dirakam, produk inovasi, dan penulisan bacaan umum.

2.5 Kaedah Penyampaian

Kaedah penyampaian terdiri daripada prinsip dan kaedah yang digunakan oleh staf akademik untuk membantu pembelajaran pelajar yang ditentukan mengikut kehendak kursus yang diajar dan berdasarkan keperluan pelajar. Kaedah penyampaian termasuk syarahan bersemuka (fizikal dan maya), perbincangan, kajian kes, penyelesaian masalah, demonstrasi, lawatan ilmiah, ujikaji makmal, latihan amali di tempat kerja dan ia juga merujuk kepada kaedah melalui video demonstrasi, rakaman video, serta sebarang kaedah pembelajaran dalam talian.

2.6 Kandungan Digital

Kandungan digital adalah bahan yang boleh dibaca oleh mesin atau komputer untuk tujuan pemeliharaan dan capaian secara elektronik dalam bentuk bahan bercetak ke format digital seperti buku, risalah, manuskrip, artikel, laporan, ucapan, syarahan, dokumen, foto, sijil, pelan dan bahan (poster, brosur) atau bahan (tersedia) digital seperti video, audio, rakaman audio, rakaman video serta boleh diakses dalam talian bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

2.7 Ruang Pembelajaran

Ruang pembelajaran adalah ruang atau persekitaran tempat pengajaran dan pembelajaran merangkumi persekitaran fizikal dan / atau maya seperti dewan kuliah, bilik kuliah, bilik tutorial, makmal komputer, makmal amali, studio, bilik seminar, bilik perbincangan, bengkel, lokasi dalaman atau luaran, pelantar dalam talian dan lain-lain yang melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

2.8 Sebaran Media

Sebaran media adalah saluran atau perantara komunikasi yang pelbagai tetapi tidak terhad kepada:

- i. Media cetak termasuk surat khabar, majalah dan sebagainya;
- ii. Media elektronik termasuk televisyen, radio dan telefon pintar; dan
- iii. Pelantar (*platform*) media sosial termasuk Facebook, Instagram, Twitter, Tiktok, Telegram dan sebagainya.

2.9 Ketidakpatuhan

Ketidakpatuhan adalah kegagalan atau keengganan bertindak sesuai atau selari dengan perintah dan peraturan penggunaan data / maklumat / bahan pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan.

2.10 Maklumat Rahsia

Maklumat rahsia adalah data / maklumat / bahan pengajaran dan pembelajaran yang tidak boleh didedahkan tanpa kebenaran kerana membahayakan keselamatan universiti menyebabkan kerosakan besar kepada kepentingan dan martabat universiti atau memberi keuntungan kepada pihak luar.

2.11 Maklumat Sulit

Maklumat sulit adalah data / maklumat / bahan pengajaran dan pembelajaran yang tidak boleh didedahkan tanpa kebenaran walaupun tidak membahayakan keselamatan universiti tetapi memudaratkan kegiatan pengajaran dan pembelajaran atau individu atau menyebabkan keadaan malu dan kesusahan kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik atau memberi keuntungan kepada pihak luar.

2.12 Maklumat Terhad

Maklumat terhad adalah data / maklumat / bahan pengajaran dan pembelajaran yang tidak boleh didedahkan selain daripada yang diklasifikasikan rahsia besar, rahsia atau sulit tetapi perlu juga diberi perlindungan keselamatan capaian.

3.0 PERATURAN DAN PROSEDUR

- 3.1 Bahan pengajaran dan pembelajaran adalah segala bentuk bahan yang digunakan bertujuan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kepada Dasar Pengajaran dan Pembelajaran UiTM.
- 3.2 Bahan pengajaran dan pembelajaran adalah hak milik universiti dan sebarang penyalahgunaan untuk tujuan peribadi atau lain-lainnya adalah satu kesalahan.

- 3.3 Bahan pengajaran dan pembelajaran perlu dibangunkan dan dikendalikan berasaskan kepada kurikulum universiti serta mengikut syarat iaitu:
 - i. Diguna untuk pengajaran dan pembelajaran sahaja;
 - ii. Disebar untuk tujuan akademik sahaja; dan
 - iii. Diubah untuk tujuan akademik sahaja.
- 3.4 Bahan pengajaran dan pembelajaran perlu mendapat kebenaran secara bertulis dari universiti untuk tujuan selain daripada **Perkara 3.3**.
- 3.5 Bahan pengajaran yang tidak diiktiraf oleh universiti tidak boleh diurusniagakan atau dijualbeli atas kepentingan peribadi.

4.0 PERATURAN BERKAITAN PLAGIARISME

- 4.1 Plagiarisme adalah satu bentuk jenayah akademik dan perlu difahami berdasarkan kepada Dasar dan Garis Panduan Plagiarisme UiTM dan Peraturan Akademik semasa yang telah ditetapkan.
- 4.2 Plagiarisme dalam hasilan akademik perlu disediakan dengan:
 - i. Disemak peratusan atau indeks persamaan yang ditetapkan dan dibenarkan menggunakan aplikasi yang dilanggar oleh universiti atau aplikasi lain yang bersesuaian.
 - ii. Dilarang menggunakan hasilan akademik pelajar atau individu lain sebagai hasilan akademik milik sendiri.

5.0 PERATURAN BERKAITAN HASILAN TUGASAN AKADEMIK

- 5.1 Pelajar perlu menyelesaikan semua tugas sama ada tugasan individu, pasangan atau kumpulan dengan penuh tanggungjawab dan amanah mengikut keperluan tugasan yang ditetapkan.
- 5.2 Hasilan tugasan akademik boleh digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran.
- 5.3 Dinyatakan persetujuan sebagai penulis bagi sebarang hasil akademik pelajar yang diterbitkan / diedarkan mengikut peraturan penerbitan yang telah ditetapkan.
- 5.4 Sebarang hasilan akademik perlu mendapat kebenaran secara bertulis dari universiti untuk tujuan selain pengajaran dan pembelajaran.

6.0 PERATURAN BERKAITAN MEDIA KOMUNIKASI

- 6.1 Bahan pengajaran dan pembelajaran boleh dikelola dan dilaksanakan dengan pelbagai sebaran media termasuk:
 - i. melibatkan kuliah secara bersemuka atau konvensional;

- ii. melibatkan kuliah dalam talian secara langsung termasuk UFUTURE, *Google Meet*, *Teams*, *Zooms*, *Webex* dan lain-lain;
 - iii. melibatkan kehadiran penceramah tetamu dalam talian secara langsung;
 - iv. melibatkan penggunaan aplikasi terbuka dan media sosial seperti *Youtube Live Stream*, *Facebook Live Video*, *Instagram Live*, *Whatsapp*, *Telegram*, *TikTok*, *Skype* dan lain-lain pelantar persidangan; dan
 - v. membuat rakaman awal kuliah menggunakan UFUTURE, *Google Classroom*, *Slidecasting*, *Microsoft Power Point*, *Loom Screen Recorder*, *Camtasia Studio*, *Prezi*, *Powtoon*, *Canva*, *Screencast-O-Matic*, *Adobe Captivate*, *Slidesgo*, *Jing* dan lain-lain.
- 6.2 Disaran menggunakan platform UFUTURE yang disediakan oleh universiti sebagai platform rasmi pengajaran dan pembelajaran.
- 6.3 Perlu mematuhi cara berkomunikasi yang betul dan beradab semasa berkomunikasi di internet (*netiquette*) atau secara fizikal semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan.

7.0 PERATURAN BERKAITAN EDARAN BAHAN

- 7.1 Perkongsian sebarang bahan pengajaran dan pembelajaran melalui komunikasi luar dan / atau dalam talian seperti WhatsApp, Telegram, Emel dan sebagainya adalah untuk tujuan akademik sahaja.
- 7.2 Perkongsian sebarang data / maklumat / bahan pengajaran dan pembelajaran yang diklasifikasikan sebagai maklumat rahsia / sulit / terhad kepada pelajar atau mana-mana pihak yang tidak diberi kuasa akses kepada data / maklumat / bahan tersebut, melalui komunikasi dalam talian atau secara fizikal adalah dilarang.
- 7.3 Perbuatan tangkapan skrin untuk sebarang perkongsian berniat jahat seperti manipulasi maklumat, mengaibkan, memfitnah dan sebagainya adalah dilarang.
- 7.4 Penyebaran data / maklumat / bahan pengajaran dan pembelajaran tanpa keperluan atau kepentingan pengajaran dan pembelajaran adalah tidak dibenarkan.
- 7.5 Penyebaran data / maklumat / bahan pengajaran dan pembelajaran yang diklasifikasi sebagai maklumat rahsia / sulit / terhad adalah tidak dibenarkan.
- 7.6 Dimuat naik sebarang bahan pengajaran dan pembelajaran di sebarang platform tertutup dan terbuka termasuk media sosial, laman sesawang terbuka, laman sesawang berkongsi tanpa kebenaran secara bertulis data / maklumat / bahan.

8.0 PERATURAN BERKAITAN RAKAMAN

- 8.1 Bahan rakaman yang dibenarkan atau diiktiraf oleh universiti sahaja boleh digunakan dan / atau disebarluaskan sebahagian atau keseluruhan rakaman kecuali data / maklumat / bahan yang telah dimuat naik di *platform* terbuka.
- 8.2 Suntingan rakaman semasa pengendalian sesi pengajaran dan pembelajaran boleh dilaksanakan untuk tujuan akademik dan sebarang tujuan atas kapasiti peribadi adalah tidak dibenarkan.
- 8.3 Rakaman dan / atau suntingan dan / atau menyebarkan keseluruhan atau sebahagian rakaman atau suntingan sesi pengendalian pengajaran dan pembelajaran yang boleh mengaibkan pihak berkaitan adalah tidak dibenarkan.
- 8.4 Rakaman untuk tujuan berniat tidak baik / jahat / memanipulasi dari mana-mana bahagian rakaman sesi pengajaran dan pembelajaran untuk sebarang tujuan adalah tidak dibenarkan.

9.0 PERATURAN BERKAITAN KAWALAN CAPAIAN

- 9.1 Kawalan capaian data / maklumat / bahan perlu dilaksanakan mengikut peraturan dan prosedur universiti yang berkaitan mengikut kapasiti dan tugas kerja yang telah ditetapkan.
- 9.2 Kolej pengajian / fakulti / kampus / pusat akademik hendaklah mengambil langkah keselamatan untuk melindungi bahan pengajaran dan pembelajaran daripada hilang, salah guna, akses yang tidak dibenarkan atau disengajakan dan sebagainya.
- 9.3 Staf akademik hendaklah diberi akses kepada bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan kursus yang diajar dan kursus lain mengikut keperluan.

10.0 DEKLARASI AKU JANJI

Semua warga universiti hendaklah memenuhi semua syarat dan keperluan universiti termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- 10.1 Perakuan Perlindungan Data Peribadi.
- 10.2 Perakuan AKU JANJI universiti.

11.0 TANGGUNGJAWAB

- 11.1 Semua pihak perlu menyempurnakan tanggungjawab berikut untuk membolehkan universiti memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan.
- 11.2 Memahami, menghayati dan mematuhi segala peraturan yang digariskan dalam Peraturan Pengendalian Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran ini.
- 11.3 Mengambil tindakan sewajarnya bersesuaian dengan peraturan yang digariskan dalam peraturan ini.

- 11.4 Semua pihak perlu mengambil tindakan proaktif bagi mendapatkan panduan dan nasihat daripada staf akademik, penasihat akademik pelajar, staf pentadbiran dan pihak pengurusan kolej pengajian / fakulti / kampus / pusat akademik sekiranya berhadapan dengan sebarang permasalahan bahan pengajaran dan pembelajaran.
- 11.5 Semua pihak perlu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang kesan ketidakpatuhan peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.

12.0 PELANGGARAN PERATURAN

- 12.1 Peraturan ini adalah tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1976 dan dilaksanakan mengikut keputusan pihak berkuasa Lembaga Tatatertib Universiti.
- 12.2 Peraturan ini juga adalah tertakluk kepada undang-undang siber dan boleh digunakan untuk mengatasi ketidakpatuhan peraturan pengendalian bahan pengajaran dan pembelajaran serta ancaman siber iaitu:
 - i. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998;
 - ii. Akta Jenayah Komputer 1997;
 - iii. Akta Perdagangan Elektronik 2006;
 - iv. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010; dan
 - v. Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Pindaan 2010).